

**KLASIFIKASI EKONOMI BERPENDAPATAN TINGGI: IMPLIKASI
TERHADAP KEUPAYAAN EKONOMI MALAYSIA**
*HIGH-INCOME ECONOMY CLASSIFICATION: IMPLICATIONS ON THE MALAYSIAN
ECONOMIC CAPACITY*

SHAHIDA SHAHIMI DAN ISZAN HANA KAHARUDIN

ABSTRAK

Dalam tempoh lebih 50 tahun sejak merdeka, ekonomi Malaysia telah mengalami transformasi daripada sebuah ekonomi berpendapatan rendah kepada ekonomi berpendapatan sederhana tinggi. Pendapatan per kapita telah meningkat hampir dua puluh kali ganda dalam tempoh empat dekad lalu dan perubahan struktur yang besar juga telah berlaku dalam ekonomi. Malaysia telah mula mengorak langkah ke arah ekonomi berpendapatan tinggi sebagaimana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Bajet 2010 dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis keupayaan Malaysia dalam mencapai ekonomi berpendapatan tinggi. Analisis dibuat secara membandingkan petunjuk prestasi ekonomi utama Malaysia dengan klasifikasi dan pengukuran ekonomi berpendapatan tinggi yang digunakan oleh organisasi atau badan tertentu. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa strategi untuk menjadikan ekonomi Malaysia lebih mapan dan berdaya saing dalam menjana ekonomi berpendapatan tinggi akan dibincangkan. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi petunjuk dan panduan kepada pengubal dasar dalam merangka strategi peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Kata kunci: ekonomi berpendapatan tinggi, ekonomi Malaysia, pertumbuhan ekonomi, rancangan ekonomi

ABSTRACT

In the 50 years since her independence, the Malaysian economy has undergone major transformation from the low-income economy to a middle-income economy. In the past four decades, income per capita has increased by almost twenty times and a huge structural change has taken place in the economy. Malaysia has been taking steps towards high-income economy as being announced by the Prime Minister in the Government 2010 Budget and in the Tenth Malaysia Plan. The main objective of this study is to analyze the capacity of Malaysian economy to achieve the high-income economy status. The analysis is conducted by comparing the Malaysian key economic performance indicators with the classification and measurement of high-income economy standard classification used by national and international organizations. Based on the findings, several strategies will be discussed in order to make the economy more competitive, vibrant and yet sustainable. This study provides important guidance and direction to policy makers in strategizing the transition of the Malaysian economy towards a high-income economy.

Keywords: economic growth, economic plan, high-income economy, Malaysian economy

PENGENALAN

Sejak merdeka pada tahun 1957, Malaysia berada dalam kategori negara berpendapatan rendah sehinggalah berjaya menginjak ke dalam kategori negara berpendapatan sederhana tingi menjelang tahun 1992. Pada era 1970-an, Malaysia telah mengalami perubahan struktur ekonomi daripada sektor pertanian kepada perindustrian (Majlis Penasihat Ekonomi Negara, 2010). Antara penyumbang utama pertumbuhan ekonomi ialah eksport barangan pembuatan. Selain itu, kerajaan yang proaktif, kadar tabungan yang tinggi dan pelaburan asing yang kukuh menjadi pemangkin kepada kejayaan Malaysia untuk muncul sebagai antara negara sedang membangun dengan pertumbuhan yang tinggi di rantau ini.

Sejak mencapai status negara pendapatan sederhana tinggi, Malaysia terus kekal dalam kategori tersebut untuk suatu tempoh yang agak lama. Sejarah telah menunjukkan bahawa adalah mudah bagi

negara berpendapatan rendah untuk beralih kepada negara berpendapatan sederhana. Ini disebabkan oleh kelebihan pemilikan sumber asli yang banyak dan kos buruh yang rendah yang sekaligus menarik pelaburan asing ke dalam negara. Namun, kelebihan kos buruh yang rendah ini berlaku dalam tempoh yang singkat dan akan berakhir apabila muncul negara baru yang mempunyai kos buruh yang rendah. Tanpa *niche* yang baru dan rancangan pembaharuan yang strategik, adalah sukar untuk kebanyakan negara untuk keluar daripada kategori pendapatan sederhana. Fenomena ini dikenali sebagai ‘perangkap pendapatan sederhana’ (Majlis Penasihat Ekonomi Negara, 2010).

Meskipun arah aliran pendapatan per kapita Malaysia menunjukkan tren menaik secara berterusan, namun ia berada jauh di bawah sempadan ‘pendapatan tinggi’ berdasarkan tanda aras yang ditetapkan oleh World Bank, iaitu USD12,196 (World Bank, 2010). Rajah 1 menunjukkan kedudukan Malaysia dan negara terpilih berbanding sempadan pendapatan tinggi.

Beberapa negara dalam kategori wilayah sedang membangun di Asia telah berjaya beralih kepada status negara berpendapatan tinggi. Sebagai contoh, Korea Selatan berjaya keluar dari ‘perangkap pendapatan sederhana’ selepas tahun 1992 tetapi merosot semula setelah dilanda krisis kewangan Asia 1997/1998. Negara tersebut menyedari bahawa struktur ekonominya yang dikuasai oleh *chaebols*¹ tidak lagi dapat mengekalkan pertumbuhan pesat semasa. Justeru, ia telah melancarkan program transformasi ekonomi yang memeritkan tetapi berpandangan jauh yang telah berjaya melonjakkan Korea kembali kepada kategori pendapatan tinggi (Majlis Penasihat Ekonomi Negara, 2010).

Sehubungan itu, objektif utama artikel ini adalah mengenalpasti amalan terbaik yang digunakan oleh badan-badan tertentu dalam mengklasifikasikan sebuah negara kepada negara berpendapatan tinggi serta menggunakan pengukuran tersebut dalam menganalisis keupayaan ekonomi Malaysia dalam mencapai ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi petunjuk dan panduan kepada penggubal dasar dalam merangka strategi peralihan Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian utama. Bahagian pertama, merupakan pengenalan yang terdiri daripada isu kajian, objektif kajian, signifikan atau sumbangan kajian dan organisasi kajian. Seterusnya bahagian kedua, menerangkan secara terperinci amalan-amalan yang dilakukan oleh World Bank, negara OECD, Asian Development Bank dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam mengklasifikasi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Bahagian ketiga pula, memperlihatkan hasil analisis kajian dalam menentukan sejauh mana keupayaan ekonomi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Penggunaan penyelesaian eksponen mudah digunakan bagi mengukur tahap pencapaian dan pertumbuhan ekonomi semasa sehingga tempoh menjelang 2020. Bahagian keempat merupakan perbincangan analisis SWOT yang menghuraikan secara terperinci mengenai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT) yang terdapat di Malaysia dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Bahagian terakhir merupakan kesimpulan kajian.

BEBERAPA AMALAN KLASIFIKASI NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI

World Bank, Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dan Asian Development Bank (ADB) mengklasifikasikan negara berpendapatan tinggi berdasarkan kriteria pendapatan, iaitu pendapatan kasar per kapita dalam sesuatu tahun. Setiap negara akan dibahagikan kepada kumpulan pendapatan rendah, pendapatan sederhana rendah, pendapatan sederhana tinggi dan pendapatan tinggi. Menurut definisi World Bank, sebuah negara berpendapatan tinggi ialah negara yang mempunyai pendapatan per kapita melebihi USD12,196 (World Bank, 2010). Pembahagian negara mengikut kumpulan pendapatan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Oleh itu, berdasarkan pembahagian klasifikasi pendapatan yang telah ditetapkan oleh Bank Dunia, Malaysia dikategorikan sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi dengan pendapatan USD 7,250 pada tahun 2008. Jadual 2 menunjukkan pendapatan per kapita bagi beberapa negara terpilih, dalam USD.

Jadual 2 menunjukkan negara berpendapatan tinggi yang terdiri daripada Norway dengan pendapatan per kapita USD 87,340 pada tahun 2008. Ini diikuti negara Switzerland, Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan Jepun dengan pendapatan per kapita masing-masing adalah melebihi USD30,00 pada tahun 2008. Bagi negara Asia pula, negara yang berada dalam kategori ini ialah Hong Kong (USD31,420) dan Korea Selatan (USD21,530). Sementara itu, dalam kalangan negara ASEAN, hanya Singapura yang tergolong dalam negara berpendapatan tinggi dengan pendapatan per kapita USD34,760 pada tahun 2008.

World Bank menggunakan Faktor Pertukaran Atlas (*Atlas Conversion Factor – ACF*) untuk mengira keluaran negara kasar (KNK) dan KNK kasar per kapita dalam nilai mata wang USD. Tujuan penggunaan ACF adalah untuk mengurangkan kesan turun naik kadar pertukaran merentas negara dalam mengira pendapatan negara untuk tujuan perbandingan. ACF dalam sesuatu tahun merupakan perbezaan purata kadar pertukaran dalam tahun tersebut dengan kadar pertukaran untuk dua tahun sebelumnya. Kadar pertukaran ini diselaraskan dengan perbezaan antara kadar inflasi dalam negara tersebut dengan inflasi di negara G-5.^{2,3}

Sementara itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak mempunyai sebarang tanda aras yang khusus bagi mengklasifikasikan sesebuah negara kepada negara berpendapatan tinggi dan berpendapatan sederhana rendah sebagaimana yang diamalkan oleh World Bank, OECD dan ADB. PBB mengklasifikasikan sebuah negara berdasarkan kriteria wilayah. Kriteria ini dapat dihuraikan dengan lebih jelas menggunakan Jadual 3. Jadual 3 menunjukkan senarai wilayah berpendapatan tinggi (maju) dan wilayah berpendapatan sederhana rendah (membangun).

Berdasarkan klasifikasi pendapatan dalam Jadual 1 dan Jadual 2, Malaysia berada dalam kategori negara berpendapatan sederhana tinggi dengan pendapatan berjumlah USD7,250 (berdasarkan pendapatan per kapita pada tahun 2008). Malaysia masih belum dianggap sebagai negara berpendapatan tinggi berdasarkan tanda aras yang ditetapkan oleh World Bank, iaitu pendapatan per kapita melebihi USD12,196. Oleh itu, berdasarkan paras semasa USD7,250, Malaysia perlu meningkatkan pendapatan per kapitanya sebanyak hampir dua kali ganda untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Ini ditambah pula dengan amalan menetapkan kadar pertukaran dengan USD menjadikan nilai ini sangat sensitif kepada turun naik kadar pertukaran asing dan perkembangan ekonomi dunia.

Di peringkat nasional, Bank Pusat Malaysia, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menggariskan bahawa selain tingkat pendapatan, penilaian terhadap negara berpendapatan tinggi sedia ada perlu memaparkan lima ciri ekonomi utama, iaitu:

- i) Aktiviti ekonomi berintensif inovasi dan pengetahuan
- ii) Ekonomi diterajui oleh sektor swasta berteraskan persaingan
- iii) Kerajaan sebagai pemudah cara pertumbuhan ekonomi
- iv) Keseimbangan yang lebih baik antara permintaan dalam negeri dengan permintaan luar
- v) Integrasi global dan serantau yang lebih mendalam.

KEUPAYAAN EKONOMI MALAYSIA KE ARAH NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI

Rancangan Malaysia Kesepuluh - RMK10 (2010 – 2020) telah dirangka dengan pelbagai pendekatan baru ke arah ekonomi berpendapatan dan berproduktiviti tinggi, sesuai dengan Model Baru Ekonomi (MBE) yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri semasa. Dalam Rancangan ini, pendapatan kasar per kapita Malaysia telah disasarkan pada paras RM38,850 (USD12,140) menjelang tahun 2015. Justeru, bahagian ini akan membincangkan secara khusus keupayaan Malaysia secara: (a) kuantitatif dalam konteks pendapatan per kapita; dan (b) kualitatif menggunakan analisis SWOT dalam konteks asas ekonomi domestik ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi

a) Aspek Kuantitatif

Bahagian ini mengukur secara kuantitatif keupayaan ekonomi Malaysia untuk mencapai: (1) pendapatan per kapita RM38,850 (USD12,140) menjelang tahun 2015; (2) status negara berpendapatan tinggi (melebihi USD12,196); dan (3) status negara maju menjelang tahun 2020. Analisis selanjutnya akan menggunakan tingkat pendapatan RM39,027 (USD12,196) sebagai tanda aras negara berpendapatan tinggi.⁴

Bagi mengukur tahap pencapaian dan pertumbuhan yang diperlukan serta jangka masa bagi mencapai pendapatan yang dikehendaki, maka penyelesaian persamaan eksponen mudah akan digunakan. Dengan menggunakan KDNK per kapita tahun 2008, iaitu RM23,200 sebagai indikator pendapatan per kapita semasa (KDNKS), serta jangkaan kadar pertumbuhan tahunan adalah konstan pada enam peratus bagi tempoh 2010 hingga 2020, maka persamaan eksponen mudah boleh ditulis seperti berikut:

$$KDNK \text{ per kapita} = KDNKSe^{rt} \text{ per kapita} \quad (1)$$

dengan,

<i>KDNK</i>	= keluaran dalam negara kasar per kapita
<i>KDNKS</i>	= keluaran dalam negara kasar per kapita semasa (tahun 2008)
<i>e</i>	= eksponen
<i>r</i>	= kadar pertumbuhan tahunan (%)
<i>t</i>	= jangka masa (tahun)

Objektif utama pengiraan Persamaan (1) di atas ialah untuk melihat sejauh manakah Malaysia dapat mencapai pendapatan per kapita RM39,027 (USD12,196) bagi melayakkannya untuk berada dalam kategori negara berpendapatan tinggi. Hasil pengiraan jangkaan KDNK per kapita dalam nilai USD dan RM bagi tempoh 2010 hingga 2020 ditunjukkan dalam Jadual 4. Lajur terakhir menunjukkan sasaran KDNK per kapita yang telah ditetapkan kerajaan dalam RMK10.

Berdasarkan Jadual 4, beberapa kesimpulan dapat dibuat mengenai keupayaan Malaysia dalam konteks pendapatan per kapita, iaitu:-

(1) *status negara berpendapatan tinggi berdasarkan pendapatan per kapita RM38,850 (USD12,140) menjelang tahun 2015*

Dengan andaian KDNK per kapita semasa RM23,200, KDNK per kapita pada tahun 2015 berjumlah RM35,310 (USD11,034). Jumlah ini agak rendah berbanding sasaran kerajaan menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi, iaitu pada RM38,850 (USD12,140) menjelang tahun 2015.

(2) *status negara berpendapatan tinggi mengikut tanda aras World Bank (melebihi USD12,196)*

Seterusnya, menjelang akhir tahun 2018 didapati negara telah melepasi aras pendapatan bagi negara berpendapatan tinggi dengan KDNK per kapita berjumlah RM42,273 (USD13,210). Jumlah ini adalah lebih tinggi daripada tanda aras yang digunakan oleh World Bank untuk menjadi negara berpendapatan tinggi iaitu sebanyak RM39,027 (USD 12,196).

(3) *status negara maju dengan pendapatan per kapita RM38,850 (USD12,140) menjelang tahun 2020*

Model Baru Ekonomi (MEB) telah mensasarkan bahawa KDNK per kapita negara akan tercapai antara USD15,000 hingga USD20,000 menjelang tahun 2020. Berdasarkan Jadual 4, Malaysia akan mencapai unjuran KDNK per kapita sebanyak RM47,663 (USD14,895) pada tahun 2020. Angka ini sememangnya menghampiri sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam MEB.

Berdasarkan keputusan di atas, Malaysia sememangnya berupaya untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi berdasarkan tanda aras World Bank meskipun ia melewati tiga tahun daripada sasaran asal kerajaan iaitu pada tahun 2015. Unjuran pendapatan per kapita dalam Jadual 4 adalah berdasarkan andaian kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak enam peratus. Justeru, bagi merealisasikan pencapaian di atas dan berdasarkan kadar pertumbuhan tahun 2008 iaitu 4.7 peratus, maka sektor ekonomi domestik perlu digerakkan dengan lebih aktif dan efisien. Selain peranan penting sektor perkhidmatan dan pembuatan, sektor pertanian perlu diaktifkan semula, terutamanya yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, serta penyerapan kaedah teknologi maklumat dan komunikasi, bioteknologi serta teknologi lain yang berkaitan.

b) Aspek Kualitatif (Analisis SWOT)

Bahagian ini akan membincangkan secara khusus keupayaan Malaysia secara kualitatif menggunakan analisis SWOT dalam konteks asas ekonomi domestik ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi. Analisis SWOT merupakan singkatan kepada perkataan *Strengths*, *Weaknesses*, *Opportunities* dan *Threats*. Ia digunakan untuk menilai dan mengenal pasti, apakah kekuatan, kelemahan, peluang dan juga halangan (ancaman) yang ada bagi sesuatu isu yang dibincangkan. Objektif pembentukan analisis SWOT adalah untuk menilai faktor luaran dan dalaman yang dapat membantu pembentukan atau mempengaruhi sesuatu kejayaan. *Strengths* dan *Weaknesses* adalah merupakan faktor dalaman, manakala *Opportunities* dan *Threats* adalah faktor luaran. Justeru, analisis SWOT akan digunakan bagi membincangkan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman kepada ekonomi Malaysia bagi mentransformasi Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi.

a) Kekuatan (*Strenght*)

- Kadar tabungan yang tinggi

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai kadar tabungan yang tinggi, iaitu 31.6 peratus daripada pendapatan negara kasar pada tahun 2009 (Bank Negara Malaysia, 2009). Kadar tertinggi tabungan Malaysia yang pernah direkodkan ialah 42.2 peratus pada tahun 1998. Kadar tabungan yang tinggi menyebabkan berlaku peningkatan terhadap pelaburan dalam negara. Kesannya Malaysia tidak perlu bergantung kepada pelaburan langsung asing (FDI) bagi menjana pelaburan dalam negara. Ini dapat dibuktikan berdasarkan Jadual 5 yang menunjukkan FDI mengalami penurunan pada tahun 2009 iaitu sebanyak -27,948. Dengan penurunan dalam FDI menyebabkan negara tidak perlu menambahkan beban hutang dalam negara dan secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah defisit kerajaan yang semakin melebar.

- Imbangan pembayaran yang positif

Imbangan pembayaran berada pada tahap yang menggalakkan pada tahun 2009 dengan akaun semasa mencatatkan lebihan bagi 12 tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, lebihan akaun semasa ini berkurangan kepada RM 112.1 billion atau 16.9 peratus daripada KNK pada tahun 2009 (2008: RM 129.5 billion; 18.1%) (Laporan Ekonomi 2009/2010) akibat pengurangan lebihan akaun barangan dan peningkatan defisit akaun perkhidmatan. Sementara itu, akaun kewangan merekodkan peningkatan aliran keluar bersih berikutan kejatuhan aliran masuk FDI. Jadual 5 menunjukkan imbangan pembayaran keseluruhan bagi tempoh 2005 hingga 2008.

- Kadar kemiskinan yang rendah

Malaysia telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan sejak mencapai kemerdekaan dan menganjak masuk ke dalam negara yang dikategorikan sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi pada awal tahun 1990-an. Sebagaimana yang digariskan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), usaha mengurangkan kadar kemiskinan ini merupakan strategi bersifat serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat untuk membetulkan pengenalpastian kaum mengikut fungsi ekonomi. Rajah 3 menunjukkan kadar kemiskinan mutlak yang berjaya dikurangkan daripada lebih 40 peratus (1970) kepada 3.6 peratus (2007), meskipun dengan pertumbuhan yang lembap dalam tempoh pasca 2000. Semua kumpulan etnik mencatatkan peningkatan pendapatan purata dan pengurangan kemiskinan, termasuk di Sabah dan Sarawak.

- Infrastruktur fizikal, kewangan dan perundangan yang baik

Pelaburan yang besar menghasilkan pembinaan infrastruktur bertaraf dunia di Malaysia. Infrastruktur yang baik ini menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam bidang pembuatan E&E, eksport sumber asli utama dan penerbangan penumpang. Dalam pasaran global masa kini, infrastruktur yang telah dimajukan itu akan memudahkan kita menarik firma inovatif baru yang memerlukan jaringan rangkaian pengeluaran yang cekap dan pengurusan inventori yang canggih. Kekuatan kita dalam infrastruktur dapat dilihat melalui rangkaian luas jalan raya yang menawarkan perhubungan yang pantas ke lapangan terbang dan pelabuhan untuk menggerakkan barangan dan manusia. Di samping itu, penggunaan elektrik di Malaysia adalah tinggi manakala kemudahan bekalan air dan sanitasi sampai kepada sebilangan besar isi rumah. Kemudahan komunikasi kita juga moden dengan lebih ramai penduduk Malaysia menggunakan Internet.

- Kedudukan geografi yang strategik

Kedudukan Malaysia adalah strategik di rantau yang tinggi pertumbuhannya. Pada 2008, perdagangan dua hala antara Malaysia dengan China adalah sebanyak AS\$53.5 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 15% berbanding tahun 2007. Perdagangan dua hala dengan India pula hampir melebihi AS\$10 bilion pada 2009. Lokasi geografi Malaysia dan anugerah alamnya membantu menarik FDI/FPI dari China, India dan Asia Timur apabila negara-negara ini berusaha mendapatkan kestabilan mata wang melalui kepelbagaian pegangan, akses kepada sumber asli dan pasaran bitara (*niche*) yang mengukuhkan ikatan dua hala. Infrastruktur Malaysia ketika ini disokong pula dengan taman perindustrian moden dan koridor pembangunan yang memenuhi kehendak perniagaan yang inovatif dan mempunyai nilai tambah yang tinggi.

b) Kelemahan (*Weakness*)

- Defisit perbelanjaan kerajaan yang besar

Hasil kerajaan persekutuan merupakan hasil yang terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, dan terimaan dari Wilayah-Wilayah Persekutuan. Manakala perbelanjaan kerajaan persekutuan pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Pada tahun 2008 didapati jumlah perbelanjaan adalah sebanyak RM195.4 billion, manakala kutipan hasil adalah RM159.8 billion. Ini mencatatkan nilai defisit yang agak besar iaitu sebanyak -4.8% daripada jumlah KDNK negara. Walaupun kutipan hasil stabil, perkembangan persekitaran luar terus memberi kesan kepada kedudukan fiskal Kerajaan Persekutuan. Pelaburan swasta dan prestasi eksport yang lembab serta peningkatan perbelanjaan memberi tekanan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Jadual 6 menunjukkan kedudukan kewangan kerajaan persekutuan bagi tempoh 2005 hingga 2008 yang mana ia mencatatkan nilai defisit yang semakin besar dari tahun ke tahun.

- Kesukaran untuk menjalankan perniagaan di Malaysia

Sungguhpun Malaysia berada pada kedudukan ke-23 daripada 183 negara secara keseluruhannya daripada senarai Indeks *Doing Business* (World Bank, 2010), namun menjalankan perniagaan di Malaysia masih terlalu sukar berbanding negara-negara pesaing, terutamanya dalam aspek yang berkaitan dengan keluar dan masuk firma. Beberapa langkah untuk menjalankan perniagaan, seperti memulakan perniagaan, mendaftarkan harta dan urusan mendapatkan permit pembinaan, menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan di belakang ekonomi negara maju secara global dan serantau seperti Singapura dan Thailand. Keadaan ini memberikan kesan yang tidak diingini, iaitu mengutamakan perniagaan sedia ada dan menghalang persaingan.

Tambahan pula, kedudukan Malaysia dalam Indeks Daya Saing Global (*Global Competitiveness Index*, GCI) jatuh ke kedudukan 24 berbanding 21 tahun sebelumnya berdasarkan Laporan Daya Saing Global 2009-2010 (World Economic Forum, 2010). Ini menunjukkan bahawa negara telah hilang daya tarikan sebagai destinasi pelaburan. Struktur, proses dan dasar institusi juga menyumbang kepada kesukaran menjalankan perniagaan di Malaysia. Di samping itu, usahawan mendapati isu seperti dasar Kerajaan yang tidak konsisten, rasuah, rejim cukai, dasar pekerja dan inflasi menjadi halangan utama untuk membuka perniagaan di Malaysia.

- Eksport tidak menjana nilai tambah yang mencukupi

Eksport masih lagi menjadi tumpuan utama Malaysia. Ekonomi kita sangat bergantung pada pasaran luar, dengan nisbah eksport kepada KDNK 1.2 dan nisbah perdagangan kepada KDNK sebanyak 2.2 pada tahun 2008. Struktur eksport Malaysia tertumpu kebanyakannya pada produk E&E dan pada komoditi utama, seperti petroleum dan minyak sawit.

Sektor E&E memberikan gambaran jelas tentang kesukaran yang kita hadapi untuk menganjak naik rantaian nilai. Dari segi sejarah, sektor E&E Malaysia mendapat manfaat daripada aliran masuk pelaburan asing yang besar, kebanyakannya daripada syarikat multinasional (MNC). Walaupun sebilangan kecil MNC telah menaikkan taraf operasinya di Pulau Pinang dengan melabur dalam penyelidikan dan pembangunan, namun sebahagian besarnya masih tertumpu kepada operasi pemasangan semata-mata. Akibatnya, kelompok E&E di Pulau Pinang membentuk komuniti pembuat komponen yang besar, iaitu Pembuatan Kelengkapan Asal (OEM). Firma yang “tersekat” dalam hubungan OEM ini tidak dapat membangunkan pengiktirafan jenamanya sendiri dan saluran pemasaran. Margin untung didapati ketara lebih rendah dalam jualan OEM berbanding jualan jenama sendiri. Hal ini menyulitkan syarikat Malaysia untuk mengumpul modal yang diperlukan bagi melabur dalam R&D (*Research and Development*) dan mencapai kejayaan cemerlang dalam menghasilkan produk baru dengan nilai tambah yang lebih tinggi. Akibatnya, eksport E&E berterusan mempunyai kandungan import yang tinggi dan sejumlah besarnya dihasilkan oleh firma di bawah pemilikan asing dengan menggunakan inovasi dan teknologi asing.

Hasil daripada kesan ini, Malaysia menjadi pangkalan pengeluaran yang berdaya saing dari segi kos. Walau bagaimanapun, dengan kandungan import yang banyak dalam eksport pembuatan, nilai tambah kepada produk akhir adalah rendah. Ketidakkampuan untuk menarik bakat menyebabkan inovasi menjadi

rendah. Selepas tiga dekad pengindustrian, pelabur kini belum lagi mengiktiraf Malaysia sebagai pengeluar barangan yang inovatif dan progresif – dengan potensi untuk menghasilkan pulangan yang lebih besar melalui peningkatan permintaan dan sebagai peneraju pasaran. Walau bagaimanapun, pertumbuhan KDNK di Malaysia didapati sensitif terhadap sektor E&E apabila kemerosotan pertumbuhan global baru-baru ini dengan pantas menunjukkan kemerosotan eksport berkenaan, justeru mendedahkan negara kepada turun naik pasaran global. Bagi mengurangkan kebergantungan Malaysia pada aktiviti pemasangan E&E generik, inovasi yang berterusan diperlukan untuk menghasilkan produk dan proses nilai tambah yang tinggi.

- Kecekapan dan daya saing yang rendah

Pekerjaan mahir bersinonim dengan upah yang lebih tinggi. Di Malaysia, pekerjaan upah tinggi masih tidak banyak diwujudkan. Malah, sumbangan pekerja mahir masih merosot merentasi industri. Kecekapan sering dikaitkan dengan pekerja yang mempunyai kemahiran yang tinggi dan secara tidak langsung membawa kepada peningkatan terhadap daya saing antara negara. Berdasarkan laporan World Bank memperlihatkan, penggunaan pekerja berkemahiran rendah meningkat di antara tahun 2002 hingga 2007 merentasi industri. Sektor E&E, iaitu penyumbang utama kepada pertumbuhan Malaysia, mengalami kemerosotan paling besar dalam penggunaan pekerja berkemahiran tinggi. Kesan ini menyebabkan berlaku penurunan ke atas kecekapan dan daya saing negara. Menurut Laporan Daya Saing Global 2009-2010, daya saing global Malaysia telah mengalami penurunan iaitu berada di kedudukan ke-24 daripada 133 negara, berbanding tahun sebelumnya iaitu pada kedudukan ke-21 (World Economic Forum, 2010).

- Pertumbuhan produktiviti yang perlahan

Sebelum krisis kewangan Asia, Malaysia menerajui kumpulan di rantau ini dari segi pertumbuhan produktiviti pekerja. Namun sejak itu, ia hilang kedudukan unggul ini dan dilihat berdasarkan Jadual 7 yang mana ia menunjukkan pertumbuhan produktiviti pekerja sebelum dan selepas berlakunya krisis ekonomi. Pertumbuhan produktiviti yang suram mempunyai banyak kaitan dengan tahap pelaburan selepas krisis yang semakin perlahan – modal yang disumbang kepada lebih daripada 60% pertumbuhan dalam output bagi setiap pekerja dalam tempoh 1987-1997 tetapi mengalami kejatuhan kepada hanya satu per tiga dari tahun 1998 hingga 2006. Sebaliknya, pertumbuhan produktiviti yang lemah mendedahkan hakikat nyata bahawa Malaysia masih kurang dari segi kreativiti dan inovasi yang akhirnya memberikan kesan kepada kemajuan teknologi dan teknikal serta amalan dan sistem yang lebih cekap – sebagaimana yang ditunjukkan dari segi sumbangan yang lembap oleh jumlah produktiviti faktor dan pendidikan terhadap pertumbuhan output.

- Pelaburan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang rendah

Rekod prestasi yang lemah bagi inovasi domestik di Malaysia dicerminkan oleh bilangan penyelidik yang secara perbandingannya adalah rendah. Pada masa yang sama, bilangan artikel sains dan teknik yang tersiar dalam jurnal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh rakyat Malaysia juga jauh lebih kecil daripada negara lain yang dijadikan perbandingan. Kurangnya penyelidik dan R&D menyebabkan kurangnya inovasi dalam sektor perindustrian dan sektor eksport. Ini menyebabkan pelaburan dalam R&D juga semakin berkurangan. Kajian World Bank ke atas sektor pembuatan menunjukkan bahawa usaha firma Malaysia untuk membangunkan proses yang inovatif didapati kurang berbanding negara lain.

Kajian yang dilakukan pada tahun 2002 dan 2007 memperlihatkan bahawa firma Malaysia lebih gemar menjalankan aktiviti yang kurang canggih, seperti menaik taraf barisan produk atau jentera dan kelengkapan sedia ada. Aktiviti yang menghasilkan inovasi yang lebih tinggi dan memerlukan pendaftaran paten kurang dilakukan. Malah firma pembuatan E&E, yang sepatutnya lebih inovatif, masih tertumpu kepada aktiviti yang kurang canggih. Dari tahun 2002 hingga 2007, usaha inovasi Malaysia sebenarnya mengalami kemerosotan secara keseluruhannya.

c) Peluang (*Opportunity*)

- Modal insan yang berkemahiran tinggi

Sistem pendidikan yang berkualiti dapat melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, bersifat ingin tahu dan inovatif untuk terus-menerus mendorong produktiviti ke hadapan merupakan asas pertumbuhan ekonomi yang mampan. Pendapatan tinggi datang daripada insan mahir yang menggunakan bakat mereka untuk mendepani cabaran ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat dengan cemerlang. Malaysia tidak boleh terlepas peluang untuk menggerakkan sumbernya yang amat berharga ini. Oleh itu, Malaysia mesti menghapuskan halangan yang menghindarkan rakyatnya yang pintar daripada mendapatkan kemahiran dan pada masa yang sama menarik insan berbakat ini supaya terus berkhidmat dalam negara.

Kemasukan pelajar yang lebih ramai dalam pendidikan lepasan menengah selepas SPM, iaitu di Institusi Pengajian Tinggi, sangat membantu dalam usaha meningkatkan modal insan yang berkemahiran di samping potensi mendapatkan pekerjaan dengan upah yang lebih tinggi dan memenuhi permintaan pelabur terhadap kemahiran tahap atasan. Jadual 8 menunjukkan jumlah enrolmen pendidikan mengikut pendidikan rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Justeru, usaha sama yang lebih baik antara majikan sektor swasta dengan universiti akan membantu membetulkan keadaan yang tidak setara antara permintaan industri dengan siswazah di samping meningkatkan peluang siswazah mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan.

- Usaha untuk menginovasi dan mereka cipta produk

Transformasi ekonomi dalam sektor perindustrian, pertanian dan perkhidmatan merupakan proses yang memerlukan inovasi berterusan dan pertumbuhan produktiviti dengan kemajuan teknologi yang ketara dan dorongan keusahawanan. Penggunaan proses yang selaras dengan amalan baik dan piawaian antarabangsa akan menambah baik peluang bagi firma Malaysia untuk berjaya dalam arena pasaran global.

Inovasi merupakan satu proses kemampanan sendiri. Ia mendorong usahawan dan pelabur untuk terus menjadi peneraju dalam pasaran dan dengan itu, mengekalkan pertumbuhan output, selanjutnya menyumbang kepada matlamat pendapatan tinggi yang disasarkan oleh Malaysia.

- Liberalisasi dari segi pengambilan bakat asing

Kerajaan dan sektor swasta mesti berganding tenaga untuk menarik bakat asing bekerja di Malaysia. Satu pertimbangan penting yang boleh dipelajari daripada pengalaman negara berpendapatan tinggi lain adalah tawaran taraf pemastautin tetap kepada pekerja ini serta keluarga mereka, termasuk bekas rakyat Malaysia. Pengurusan bakat yang lebih baik akan memerlukan pemusatan pengawasan pekerja asing dan ekspatriat untuk memungkinkan amalan yang koheren. Untuk memudahkan Malaysia menganjak naik pada rantai nilai, perlu ada pembentukan kelompok golongan profesional mahir melalui permit kerja dan prosedur imigresen yang lebih mudah.

Penggunaan bakat asing yang semakin meluas akan meningkatkan permintaan untuk rakyat Malaysia dengan kelayakan yang sama dan memberikan isyarat kuat kepada rakyat untuk mempertingkatkan kemahiran mereka. Natijah daripada dasar agresif untuk mencungkil bakat global dan domestik ditambah pula dengan aliran masuk pekerja separa mahir yang diurus dengan lebih baik adalah satu kitaran yang akan mengekalkan keuntungan, menggalakkan aktiviti produktiviti lebih tinggi dan membuka jalan untuk peningkatan upah yang lebih kukuh pada masa depan.

- Asas pembuatan yang bertaraf dunia

Pembuatan merupakan sektor ekonomi yang mencatatkan pertumbuhan terpantas berdekad yang lalu. Pertumbuhan pesat sektor pembuatan bermula dalam tahun 1980-an dan menyumbang lebih 30% daripada output menjelang tahun 2000-an berbanding tidak sampai 15% pada 1970. Pembuatan tertumpu khususnya pada sektor E&E (elektrik dan elektronik) dengan menarik banyak pelaburan masuk daripada firma multinasional. Sektor E&E memupuk pertumbuhan sektor lain dalam bidang pembekalan, logistik dan perkhidmatan. Malaysia menjadi pengeksport utama produk elektronik pengguna dan perindustrian. Ia kini bersedia untuk lompatan teknologi seterusnya ke arah industri berteknologi tinggi yang lebih inovatif dan bernilai tambah yang lebih tinggi. Industri ini perlu menjadi sebahagian daripada jaringan rantai bekalan diperingkat global yang memerlukan aplikasi berskala besar.

- Kepelbagaian budaya, etnik dan biologi

Malaysia merupakan masyarakat yang kaya dari segi budaya dengan pelbagai kumpulan etnik yang tinggal di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kepelbagaian ini memberikan Malaysia kelebihan yang besar. Kepelbagaian budaya, etnik, bahasa dan agama memungkinkan masyarakat memanfaatkan sebaik-baiknya kemahiran dan sifat semula jadi yang dimiliki oleh setiap kumpulan ini demi kebaikan masyarakat seluruhnya. Kepelbagaian budaya juga merangsang imaginasi, kreativiti dan inovasi. Warisan budaya Malaysia yang kaya lagi unik, malah sejarah kolonialnya juga merupakan aset untuk menjalinkan hubungan dengan banyak negara, terutamanya dengan ekonomi pertumbuhan tinggi seperti China, India, Timur Tengah dan Indonesia. Di samping itu, kepelbagaian rangkaian bahasa di Malaysia membantu menyokong pembangunan pelancongan dan perhubungan industri dalam pasaran-pasaran tersebut.

Malaysia merupakan salah satu daripada 17 negara megabiodiversiti paling utama di dunia dengan 16 juta hektar kawasan hutan tropika yang meliputi 60% daripada keluasan tanah kita. Lebih daripada 90% hutan masih menjadi milik Kerajaan negeri dan 73% daripada jumlah kawasan hutan diperuntukkan sebagai taman negara. Dua daripadanya merupakan tapak Warisan Dunia: Taman Kinabalu dan Taman Negara Mulu. Terdapat lebih daripada 2,650 spesies pokok asli, dengan 550 daripadanya terancam atau terdedah kepada ancaman kepupusan.

Biodiversiti Malaysia yang kaya boleh dimanfaatkan untuk menjana faedah ekonomi daripada pelancongan, rekreasi, penggunaan farmaseutikal dan produk nutrisi. Meskipun kita perlu berganjak daripada bergantung pada industri yang menggunakan sumber asli untuk pertumbuhan ekonomi, namun anugerah sumber asli Malaysia boleh digunakan secara kreatif dan mampan sebagai asas untuk membentuk industri dan perkhidmatan baru yang berteknologi tinggi, pelbagai dan bernilai tinggi. Satu contoh yang baik ialah industri tenaga yang boleh dibaharui, seperti teknologi fotovolta dan biojisim.

d) Ancaman (*Threat*)

- Penghijrahan modal insan yang berkemahiran tinggi ke luar negara

Situasi modal insan di Malaysia tidak menunjukkan peningkatan. Sebaliknya, kita kehilangan bakat mahir yang diperlukan untuk memacu pertumbuhan masa depan. Keadaan ini sangat membimbangkan di mana semakin banyak bukti menunjukkan ramai rakyat Malaysia yang berbakat meninggalkan negara untuk mencari peluang yang lebih baik di negara lain. Menurut anggaran Kementerian Sumber Manusia (MOHR) pada tahun 2008, kira-kira 350,000 orang dewasa Malaysia bekerja di luar negeri, lebih separuh daripada mereka berpendidikan tinggi. Bilangan ekspatriat yang bekerja di negara ini dilihat secara serius semakin merosot.

Pihak industri sering merungut tentang tiadanya kemahiran yang sesuai dalam pasaran, yang mencadangkan bahawa wujud keadaan tidak setara antara kemahiran yang dihasilkan oleh sistem pendidikan dengan kemahiran yang dikehendaki oleh firma. Jabatan Perangkaan melaporkan bahawa pada tahun 2007, 80% daripada tenaga kerja Malaysia mendapat pendidikan hanya setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Data daripada Kementerian Pelajaran Tinggi menunjukkan bahawa kira-kira satu per empat daripada siswazah lulusan universiti awam tempatan menganggur selama enam bulan setelah menamatkan pengajian mereka pada tahun 2008. Malah bagi mereka yang berjaya mendapat pekerjaan pula, hampir satu per tiga terlibat dalam bidang pekerjaan yang memerlukan tahap kemahiran yang rendah. Di samping itu, menurut MOHE, di antara tahun 2001 hingga 2005, Kerajaan membelanjakan RM415 juta untuk melatih semula kira-kira 40,000 siswazah bagi meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan.

Pelbagai program untuk menarik bakat mahir diperkenalkan pada masa lalu tetapi tidak banyak hasil yang konkrit dicapai. Natijahnya ialah kekurangan bakat dinamik yang diperlukan untuk membawa Malaysia ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi. Jika dibandingkan dengan sebilangan ekonomi maju di rantau ini seperti Singapura, Korea dan Taiwan sumbangan pekerja tidak mahir dan separa mahir jauh lebih tinggi di Malaysia. Menurut kajian tentang iklim pelaburan Malaysia, kekurangan kemahiran secara konsistennya adalah rintangan utama yang dihadapi oleh firma. Penilaian terkini oleh World Bank menunjukkan bahawa firma semakin bimbang tentang kemahiran Teknologi Maklumat (IT) dan kemahiran teknikal/profesional pekerja Malaysia, serta rungutan tentang kurangnya kreativiti dan kemahiran berbahasa Inggeris.

Selain itu, Talent Corporation (Talent Corp) yang bertujuan menarik minat rakyat Malaysia berkemahiran tinggi di luar negara untuk pulang berkhidmat di Malaysia, akan ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari tahun depan. Penubuhan Talent Corp dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-10 untuk mengenal pasti kekurangan kemahiran di sektor utama dan menarik serta mengekalkan modal insan

berkemahiran yang diperlukan. Entiti berkenaan akan berperanan meneraju inisiatif menarik rakyat Malaysia berkemahiran tinggi di luar negara untuk pulang berkhidmat di dalam negara. Ketika ini, terdapat lebih 700,000 rakyat Malaysia berkemahiran, bekerja di luar negara. Selain itu, Talent Corp juga akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan perwakilan Malaysia untuk merancang dan melaksana strategi dalam menarik modal insan asing, terutama mereka yang berkepakaran dalam sektor ekonomi dengan keutamaan diberikan kepada lepasan graduan dari universiti terkemuka dunia.

- Pelaburan swasta yang kurang menggalakkan

Sejak krisis kewangan Asia, Malaysia menyaksikan perubahan besar dalam trend pelaburan agregat. Ketika negara seperti Indonesia mengalami pemulihan paras pelaburan yang ketara sejak krisis berkenaan, Malaysia pula tidak mengalami pemulihan, dengan paras pelaburan agregat dalam peratusan KDNK terus merosot.

Penguncupan pelaburan agregat di Malaysia ini didorong kebanyakannya oleh kemerosotan pelaburan swasta yang lembap. Sebaliknya, Singapura dan Thailand mengalami pemulihan yang kukuh dalam pelaburan swasta sejak krisis berkenaan.

Paras pelaburan swasta yang rendah sejak kebelakangan ini mungkin disebabkan beberapa faktor. Dalam beberapa industri, penyertaan aktif Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (SBK) telah membantutkan pelaburan swasta. Di samping itu, prosedur birokrasi yang rumit, lembap dan memakan masa memberikan kesan kepada kos pelaburan dan potensi pulangan pelaburan. Kekurangan kemahiran yang berterusan juga memberikan impak kepada pelaburan.

Ketiadaan pelaburan domestik swasta diperlihatkan selanjutnya melalui perkembangan akaun luar. Dalam tahun kebelakangan ini, imbalan pembayaran Malaysia menyaksikan berlakunya lebih akaun semasa yang berterusan, mencecah hampir 18% daripada KDNK pada tahun 2008. Sungguhpun lebih akaun semasa ini kebanyakannya diimbangi oleh pengumpulan aset asing bersih, namun berlaku aliran keluar akaun modal yang semakin bertambah untuk pembiayaan pelaburan Malaysia di luar negeri.

- Masalah sosial yang semakin berleluasa

Masalah gejala sosial yang semakin meningkat di Malaysia terutamanya di kalangan remaja semakin berleluasa akhir-akhir ini. Antara gejala sosial yang berada dalam tahap serius adalah kes pembuangan bayi dan gejala merempit yang mengakibatkan kemalangan jalan raya sehingga menyebabkan kematian. Keadaan ini amat membimbangkan banyak pihak terutamanya pihak kerajaan. Seperti yang diketahui remaja merupakan aset utama negara dalam melahirkan modal insan yang berkualiti pada masa akan datang. Oleh itu, mereka memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Justeru, pihak kerajaan sedang berusaha bertungkus lumus untuk membendung masalah ini agar ia tidak menghalang atau menyekat proses pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

- Jurang pendapatan yang semakin lebar

Berlatarkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Malaysia telah mencapai kejayaan yang mengagumkan dalam mengurangkan paras kemiskinan keseluruhan. Berdasarkan JADUAL 9 insiden kemiskinan mutlak dikurangkan daripada kira-kira 50% pada tahun 1970 kepada hampir 20% menjelang tahun 1987. Meskipun pertumbuhan lebih perlahan selepas krisis kewangan Asia, namun insiden kemiskinan terus-menerus menurun kepada 3.6% pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, ketaksamaan kekal menjadi cabaran nyata bagi Malaysia. Ketika ketaksamaan pendapatan keseluruhan bertambah baik seperti yang diukur melalui koefisien Gini (dengan Koefisien Gini keseluruhan bertambah baik daripada 0.459 pada tahun 1997 kepada 0.441 pada tahun 2007), ketaksamaan ini nampaknya meningkat pada dekad lalu bagi kumpulan tertentu. Ketaksamaan dalam kalangan kumpulan penduduk Bandar kekal tinggi tanpa mencatatkan peningkatan pada dekad lalu.

Meskipun kemiskinan mutlak menurun, namun 40% daripada isi rumah terus berada pada paras pendapatan yang sangat rendah, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Pengagihan kekayaan yang kurang daripada memuaskan ini menghalang sebilangan besar rakyat Malaysia daripada turut menikmati hasil kemajuan. Dalam jangka panjang, keadaan ini menghalang mobiliti sosial, sekali lagi menghalang

sebilangan besar rakyat Malaysia daripada merealisasikan dan membangunkan sepenuhnya potensi mereka untuk menyumbang kepada ekonomi. Perbincangan mengenai analisis SWOT di atas dapat diringkaskan seperti Rajah 2.

KESIMPULAN

Banyak daripada petunjuk ekonomi yang digunakan oleh badan antarabangsa adalah berdasarkan kepada pencapaian pendapatan yang diperoleh dari sesebuah negara. Walaupun ukuran pendapatan ini masih lemah terutama apabila melibatkan soal agihan pendapatan, namun ia merupakan petunjuk yang paling mudah dan senang untuk digunakan apabila membuat perbandingan pencapaian sesebuah negara. Sungguhpun PBB tidak menggunakan ukuran pendapatan dalam membezakan sesebuah negara, tetapi pembahagian antara negara berpendapatan tinggi dan rendah ialah merit kepada pendapatan. Namun begitu, untuk tujuan analisis World Bank menggunakan tanda aras pendapatan dalam membezakan sebuah negara, sama ada berpendapatan tinggi dan sebaliknya.

Dalam analisis ini, ukuran pendapatan per kapita RM39,027 atau USD12,196 digunakan sebagai tanda aras ukuran negara berpendapatan tinggi. Malaysia boleh mencapai KDNK per kapita tersebut menjelang akhir tahun 2018 iaitu RM42,273 atau USD13,210 dengan syarat kadar pertumbuhan purata tahunan selama 10 tahun adalah 6 peratus. Untuk tempoh dua belas tahun hadapan iaitu menjelang 2020, berdasarkan kadar pertumbuhan enam peratus, Malaysia akan mencapai unjuran KDNK per kapita sebanyak RM47,663 atau USD14,985

Namun begitu, matlamat Model Baru Ekonomi telah mensasarkan bahawa KDNK per kapita negara akan tercapai antara USD15,000 hingga USD20,000 menjelang 2020. Ini memerlukan KDNK berkembang pada kadar enam peratus setahun. Jika dibandingkan dengan pengiraan yang telah dibuat iaitu KDNK per kapita negara adalah pada RM47,633 bersamaan dengan USD 14,985, angka ini dilihat hampir mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Oleh itu, kerajaan seharusnya memastikan pertumbuhan ini berkembang pada kadar enam peratus melalui penglibatan sektor perkhidmatan dan pembuatan secara aktif dan efisien, di samping, menggiatkan semula sektor pertanian yang bernilai tambah tinggi, serta penyerapan kaedah ICT, bioteknologi serta pelantar teknologi yang berkaitan.

Pengiraan yang digunakan dalam analisis ini mudah dan tidak mengambil kira banyak perkara yang di luar kawalan serta gangguan di luar jangkaan. Bagi mendapatkan nilai yang lebih tepat, satu analisis yang mengambil kira perkara seperti musim, kadar pertukaran serta keadaan ekonomi semasa perlu dibuat.

Analisis SWOT yang telah dibincangkan dalam bahagian lepas menunjukkan mengenai kekuatan dan peluang yang ada pada Malaysia dalam mencapai negara berpendapatan tinggi, serta kelemahan dan ancaman yang perlu diperbaiki bagi mencapai matlamat negara yang menginginkan Malaysia keluar dari kelompok negara berpendapatan sederhana tinggi. Justeru itu, Malaysia perlu menggunakan sebaik mungkin kekuatan dan peluang yang ada dalam menghadapi cabaran untuk menuju kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Di samping itu, Malaysia juga perlu mengatasi segala kelemahan dan ancaman yang boleh menghalang proses pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara.

NOTA

- ¹ Konglomerat besar yang dikuasai keluarga yang mempunyai hubungan politik.
- ² Terdiri daripada negara Perancis, Jerman, Jepun, United Kingdom dan Amerika Syarikat.
- ³ Kadar inflasi sesebuah negara dikira berdasarkan perubahan pendeftasi keluaran dalam negara kasar (KDNK). Kadar inflasi di negara G-5 yang mewakili inflasi antarabangsa, diukur berdasarkan perubahan pendeftasi Hak Pengeluaran Khas (*Special Drawing Rights – SDR*), iaitu merupakan unit piawai yang digunakan oleh International Monetary Fund (IMF). Pendeftasi SDR dikira berdasarkan pemberat purata GDP pendeftasi di negara G-5. Pendeftasi SDR dikira dalam SDR pertama dan kemudian ditukarkan ke dalam nilai mata wang USD dengan menggunakan ACF. Ia kemudiannya digunakan untuk mengira KNK sesebuah negara. KNK yang dihasilkan dalam mata wang USD dibahagikan dengan penduduk pertengahan tahun untuk mendapatkan KNK per kapita.
- ⁴ USD1.00=RM3.20

RUJUKAN

Asian Development Bank (ADB). 2010. Classification and Graduation of Developing Member Countries. <http://www.adb.org/Documents/Manuals/Operations/OMA1.pdf> (1Julai 2010).

Abu Sufian Abu Bakar & Normizan Bakar. 2005. Klasifikasi negara maju: implikasi kepada perbincangan Kedah maju 2010. Dlm. Nur Azura Sanusi, Abu Sufian Abu Bakar & Nor Fadzlin Mohammad Bahar (pnyt.). *Ke Arah Kedah Maju: Antara Perancangan Dan Keupayaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Bank Negara Malaysia (BNM). 2009. Laporan Tahunan. www.bnm.gov.my. (1Julai 2010).

Majlis Penasihat Ekonomi Negara. 2010. New Economic Model for Malaysia. <http://www.neac.gov.my/sites/default/files/NEM%20for%20Malaysia%20-%20Part%20I.pdf> (2 Julai 2010).

Malaysia. 2009. Laporan Ekonomi 2009/2010. Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Malaysia. 2010. Pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10). http://www.pmo.gov.my/?menu=speech&news_id=295&page=1676&speech_cat=2 (2 Julai 2010).


Malaysia Rating Corporation Berhad (MARC). 2010. Budget 2010: Towards a High Income Economy. <http://www.marc.com.my/home/index.php?p=contents-items&id=23&page=2>

United Nations Statistics Division. 2010. Standard country and area codes classification. <http://unstats.un.org/unsd/methods/m49/m49.htm> (1 Julai 2010).

Unit Perancang Ekonomi. 2010. Statistik Sosio-ekonomi. <http://www.epu.gov.my> (26 Julai 2010).


World Bank. 2010. Data-Country Classifications. <http://data.worldbank.org/about/country-classifications> (1 Julai 2010).

RAJAH 1: Pendapatan KDNK per kapita, 1990 – 2008 (USD)




Sumber: World Bank, 2010.

RAJAH 2: Analisis SWOT



RAJAH 3 : Malaysia: Kadar kemiskinan, 1970-2007 (%)

Kadar kemiskinan (1970-2007)



Sumber: Malaysia, 2009.

JADUAL 1 : :Klasifikasi negara berdasarkan kriteria pendapatan , 2009 (USD)

Klasifikasi Pendapatan	Pendapatan Negara Kasar Per Kapita
Pendapatan Rendah	< USD995
Pendapatan Sederhana Rendah	USD996 - USD3,945
Pendapatan Sederhana Tinggi	USD3,946 - USD12,195
Pendapatan Tinggi	> USD12,196

Sumber: World Bank, 2010.

JADUAL 2 : Pendapatan KDNK per kapita bagi beberapa negara terpilih (USD)

Negara	2006	2007	2008
Negara Maju			
Norway	68,360	77,250	87,340
Switzerland	58,820	59,530	55,510
Amerika Syarikat	45,370	46,400	47,930
United Kingdom	41,040	44,070	46,040
Australia	33,190	35,660	40,240
Negara Membangun & Sedang Membangun			
Singapura	30,360	31,890	34,760
Hong Kong	29,530	31,570	31,420
Korea Selatan	18,950	21,210	21,530
Mexico	8,740	9,400	9,990
Malaysia	5,710	6,420	7,250
Thailand	2,860	3,240	3,670
Ukraine	1,950	2,570	3,210
China	2,010	2,410	2,940
Filipina	1,370	1,600	1,890
Indonesia	1,300	1,520	1,880
India	820	950	1,040
Vietnam	690	770	890

Sumber: World Bank, 2010.

JADUAL 3 : Klasifikasi negara berdasarkan kriteris wilayah berdasarkan amalan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Wilayah Maju	Wilayah Membangun
Amerika Utara	Afrika
Eropah	Amerika
Jepun	Carribbean
Australia dan New Zealand	Amerika Tengah
	Amerika Selatan
	Asia
	Oceania

Sumber: United Nations' Statistics Division, 2010.

JADUAL 4 : Malaysia: Jangkaan KDNK per kapita, 2010 – 2020

KDNK Per Kapita Semasa (2008)	Kadar Pertumbuhan	Tempoh	Tahun	KDNK Per Kapita Dikira	KDNK Per Kapita Sasaran (RMK10)
--------------------------------------	--------------------------	---------------	--------------	-------------------------------	--

(RM)	(%)	(tahun)	(USD)	(RM)	(RM)
23,200	6	2	2010	8,174	26,158*
23,200	6	4	2012	9,217	29,493
23,200	6	6	2014	10,392	33,253
23,200	6	7	2015	11,034	35,310**
23,200	6	8	2016	11,717	37,493
23,200	6	10	2018	13,210	42,273***
23,200	6	12	2020	14,895	47,663****

Nota: Tidak mencapai sasaran kerajaan (KDNK per kapita = RM26,420) pada 2010.

** Tidak mencapai sasaran kerajaan (KDNK per kapita = RM38,850) pada 2015.

*** Telah mencapai status negara berpendapatan tinggi (KDNK per kapita = RM39,027 = USD12,196).

**** Hampir mencapai sasaran kerajaan (KDNK per kapita di antara RM48,000 – RM64,000) pada 2020.

Sumber: Pengiraan penulis, 2010.

JADUAL 5 : Malaysia: Imbangan pembayaran, 2005 – 2008 (RM juta)

	2005	2006	2007	2008	2009
Barangan	128,892	137,292	129,488	170,552	141,745
Perkhidmatan					
Pengangkutan	-15,880	-19,731	-13,032	-15,401	-17,034
Perjalanan dan pelajaran	18,684	22,633	29,052	28,515	32,704
Perkhidmatan lain	-12,066	-9,693	-12,939	-12,376	-10,399
Urus niaga kerajaan tidak terkelas di tempat lain	-350	-440	-359	-576	-607
Pendapatan					
Pampasan pekerja	-535	-306	-622	-731	-1,491
Pendapatan pelaburan	-23,408	-16,988	-13,362	-22,977	-13,148
Pindahan semasa	-16,971	-16,739	-16,035	-17,495	-19,631
Imbangan Akaun semasa	78,367	96,029	102,190	129,513	112,139
Akaun modal	0	-264	-186	592	-161
Akaun kewangan	-36,991	-43,182	-38,954	-118,501	-80,208
Pelaburan langsung	3,749	144	-9,348	-26,058	-22,908
Di luar negeri	-11,647	-22,086	-38,892	-50,192	-27,948
Di Malaysia	15,396	22,230	29,545	24,134	5,040
IMBANGAN	13,550	25,158	45,296	-18,250	13,831
KESELURUHAN					
Akaun semasa sebagai % daripada KNK	15.7	17.2	16.3	18.1	16.9

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, 2010.

JADUAL 6 : Malaysia: Kedudukan kewangan kerajaan Persekutuan, 2005 – 2008 (RM juta)

	2005	2006	2007	2008
Hasil Kerajaan	106,304	123,546	139,885	159,793
Perbelanjaan Mengurus	97,744	107,694	123,084	153,499
Baki Semasa	8,560	15,852	16,801	6295
Perbelanjaan Pembangunan Kasar	30,534	35,807	40,564	42,847
Tolak: Terimaan balik pinjaman	3,250	846	3,105	959
Perbelanjaan pembangunan bersih	27,284	34,961	37,460	41,889
BAKI KESELURUHAN	-18,724	-19,109	-20,659	-35,594
% kepada KDNK	-3.8	-3.3	-3.2	-4.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009.

JADUAL 7 : Pertumbuhan produktiviti pekerja bagi negara Asia terpilih dalam perubahan purata tahunan, 1987 – 2007 (%)

Negara	Sebelum Krisis (1987 – 1997)	Selepas Krisis (1998 – 2007)
China	4.5	9.2
India	3.5	4.4
Thailand	5.2	3.1
Indonesia	3.1	3.0
Malaysia	5.5	2.9
Singapura	4.5	2.4
Filipina	-0.7	2.3

Sumber: World Bank, 2010.

JADUAL 8 : Malaysia: Enrolmen pendidikan rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi, 1980 – 2008 (orang)

Tahun	Pendidikan Rendah	Pendidikan Menengah	Institusi Pengajian Tinggi	Jumlah
1980	2,008,973	1,056,625	26,410	3,092,008
1985	2,192,528	1,245,076	43,258	3,480,862
1990	2,445,595	1,366,068	124,346	3,936,009
1995	2,827,634	1,651,684	207,072	4,686,390
2000	2,933,877	1,988,781	344,250	5,266,908
2005	3,137,280	2,217,879	464,705	5,819,864
2008	3,154,090	2,310,660	581,675	6,046,425

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009.

JADUAL 9 : Malaysia: Insiden kemiskinan mengikut strata, 1970 – 2007 (%)

	1970	1987	1997	2007
Malaysia	49.3	19.4	6.1	3.6
Strata				
Bandar	24.6	8.5	2.1	2.0
Luar bandar	58.6	24.8	10.9	7.1

Sumber: Unit Perancang Ekonomi , 2010.